

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 3 March 1971 > Page 7 > Mengapa sekarang sudah kekeringan?

Mengapa sekarang sudah kekeringan?

Berita Harian, 3 March 1971, Page 7

 Article also available on Microfilm Reel NL6727 Add to Citation Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

Mengapa sekarang sudah kekeringan?

Pementasan derama S'pura:

PEMENTSAN derama Melayu di-Singapura sejak belakangan ini boleh di-katakan kering.

Kekeringan itu mungkin disebabkan kurangnya pertubuhan2 yang berkenaan mementaskan-nya.

Apa-kah yang menyebabkan pertubuhan2 itu tidak bergiat lagi seperti dalam tahun2 enampuloh-an, saya tidak dapat mempastikannya.

Dan kalau tidak silap ingatan saya akhir tahun lalu saya telah berkesempatan menyaksikan satu pementasan cherita dari Indo-

nesia bernama 'Nyai Dasimah'.
Ta di-nentaskan

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
3 March 1971

Reel Number:
NL6727

Share     

Table of Contents ^

< Previous | Page 7 | Next >

Kita tidak boleh menyalahkan pehak lain lagi, mesti usaha sendiri

Kita tidak boleh menyalahkan pehak lain lagi, mesti usaha sendiri Ahmad Isa Rencana kbas oleh SATU lembaran

Rambut panjang: Tindakan akan chegah akhlak dari merosot

Rambut panjang: Tindakan akan chegah akhlak dari merosot JJARANGKALI orang2 yang gembira atas

Ramai yg hendak membeli basikal?

[View Full Table of Contents >](#)

oleh Sriwana di-Panggong Victoria Singapura kerana menyambut ulang-tahun-nya yang ke-15.

 Saya dapat cherita itu baik; mengandungi berbagai masa'alah. Insiden2 yang menarek ada juga di-muatkan di-dalamnya. Tentang babak2 sedehnya juga saya lihat bagitu berkesan. Banyak penonton telah menitiskan ayer mata.

Kerana kebaikan2 itu saya di-beritahu oleh sa-orang pegawai pertubuhan itu, pementasan tiga malam tadi telah mendapat sambutan hebat dari penonton2-nya.

Malah ramai orang2 tua yang pernah menyaksikan cherita itu di-zaman perkembangan tonel dulu ikut menonton-nya, kata pegawai itu lagi.

Tetapi sayangnya derama yang bagitu baik telah habis disitus sahaja. Usaha2

 memperluaskan -nya menerusi tayangan2 di-talivishen tidak dilakukan.

Pada hal beberapa bulan sabelum itu satu derama Tionghua bernama 'Ribut' yang telah di-pentaskan oleh Perkumpulan Seni telah mendapat peluang dalam ranchangan talivishen sa-telah itu.

Saya rasa ada-lah baik kalau derama itu dapat di-tayangkan di-TV. Dan pelakon2 Sriwana tentu-nya setuju dengan chadangan ini.

Hanya, kalau untuk siaran TV, mungkin penerbit2 ranchangan2 TV yang bijakpandai seperti Enche2 Basiron Jumat, Zain Mahmud, Rahim Jailani, Adnan Isa, Yusof Ahmad dan lain2 lagi dapat menyesuaikan-nya dengan keadaan2 yang ada.

Sa-benar-nya, sa-te-lah menonton derama itu, saya telah lama menantikan derama itu di-ulang lagi dalam ranchangan2 TV.

Tetapi saya fikir masa-nya belum terlambat bagi derama itu di-usahakan di-TV lebeh2 lagi cherita itu tidak basi.

Saya juga perchaya dengan di-tayangkan cherita itu di-TV, penulis2 kita dapat menchontohi kebaikan2 yang terdapat di-dalamnya untuk bahan2 tulisan mereka sama

ada di-TV dan di-radio mahupun di-pentas sendiri.
M. ROZA,
Singapura, 4.

Related Articles



Pementasan derama makin kurang Kpd siapa harus di-persalah?

Berita Harian 10 September 1972

Pementasan derama makin kurang Kpd siapa harus di-persalah? HARIANI M....

SRIWANA MUNGKIN TAK DAPAT PENTASKAN NYAI DASIMA DI-TV

Berita Harian 15 March 1971

SRIWANA MUNGKIN TAK DAPAT PENTASKAN NYAI DASIMA DI-TV

Drama Dr. Samsi: Ramai kechewa

Berita Harian 20 February 1972

Drama Dr. Samsi: Ramai kechewa AZMI MAHMUD Pementasan cherita2 lama b...



Vulnerability



Terms of Use

Linking Disclaimer

Privacy Statement

Takedown Policy

Browser Compatibility

Contact Us Feedback FAQ

©2021 Government of Singapore

Last Updated 29 Oct 2019